

RINGKASAN EKSEKUTIF

KERTAS CADANGAN	:	MEMOHON UNTUK MENGANJURKAN BENGKEL LATIHAN DAN APLIKASI KAEDAH PENGUKURAN BAGI 4 SEKTOR UTAMA DIBAWAH PROJEK KERJASAMA PENGUKURAN PERKHIDMATAN AWAM JPA - MPC
TARIKH & TEMPAT	:	*18-20 JULAI 2019 @ ADYA HOTEL LANGKAWI (*Subject to change)
OBJEKTIF	:	i. Meningkatkan pengetahuan untuk kemahiran pengukuran produktiviti. ii. Menjalankan pengukuran produktiviti bagi pengesahan data dan mengenal pasti output input, dan kualiti <i>adjustment</i> bagi 4 sektor utama. iii. Menghasilkan output kerja berkumpulan yang dinamik untuk kecemerlangan kajian bagi dibentangkan kepada JPA.
KOS YANG TERLIBAT/ PERUNTUKAN	:	Peruntukan Geran Daripada JPA untuk Fasa Pertama Kajian PPPA 2019: RM1,000,000.00 Anggaran Peruntukan Bengkel Latihan : RM23,110.00
BAHAGIAN/WILAYAH/ UNIT	:	PCD/PCK
BAKI PERUNTUKAN YANG ADA/TANDATANGAN KETUA AKAUNTAN	:	
KOMEN / TANDATANGAN PENGURUS PCT	:	

KERTAS CADANGAN UNTUK PERTIMBANGAN KELULUSAN LEMBAGA PENGURUSAN MPC

MEMOHON UNTUK MENGANJURKAN BENGKEL LATIHAN DAN APLIKASI KAEDAH PENGUKURAN BAGI 4 SEKTOR UTAMA DI BAWAH PROJEK KERJASAMA PENGUKURAN PRODUKTIVITI PERKHIDMATAN AWAM JPA – MPC

1.0 TUJUAN

Kertas cadangan ini bertujuan mendapatkan kelulusan Lembaga Pengurusan bagi permohonan menganjurkan Bengkel Latihan dan Aplikasi Kaedah Pengukuran Produktiviti Perkhidmatan Awam bagi empat sektor utama di bawah Projek Kerjasama Pengukuran Produktiviti Perkhidmatan Awam JPA - MPC, pada 18-20 Julai 2019.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Lanjutan daripada kerjasama antara pihak MPC dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sejak tahun 2015 beberapa siri kajian Pengukuran Produktiviti Perkhidmatan Awam (PPPA) telah dijalankan. Bermula tahun 2019 hingga 2020, satu kajian yang bersekala lebih besar sedang dijalankan dengan melibatkan sebanyak 51 kementerian, jabatan dan agensi kerajaan.
- 2.2 Bengkel bagi pengumpulan data dan rangka kerja telah diadakan pada 6 seri bengkel yang melibatkan sebanyak 52 kementerian dan 285 peserta telah dijalankan pada bulan Mac dan April 2019 . Bengkel telah melibatkan semua sektor seperti Sektor Pendidikan, Keselamatan Awam, Kesihatan dan lain-lain sektor. Beberapa siri bengkel susulan secara khusus bagi kementerian dan agensi juga telah dilaksanakan. Terakhir pihak sekretariat juga menganjurkan sesi konsultasi terbuka kepada kementerian dan agensi yang masih memerlukan penerangan lanjut pada Mei 2019.
- 2.3 Pihak sekretariat juga telah berjaya mengumpul maklumat data yang diperlukan untuk pengukuran. Selaras dengan itu, pihak sekretariat bercadang untuk mengadakan satu bengkel latihan dan aplikasi khusus untuk sekretariat

memahami kaedah pengukuran yang lebih mendalam dan seterusnya menjalankan pengukuran bagi setiap sektor terpilih. Tujuan bengkel ini diadakan untuk melatih lebih ramai Subject Matter Experts (SME) dikalangan pegawai MPC.

2.4 Bagi mencapai objektif pelaksanaan bengkel tersebut, kandungan kursus latihan telah direka dengan merangkumkan topik-topik seperti berikut:

- i. Sesi latihan pengukuran produktiviti PPPA.
- ii. Mengenal pasti output, input dan kesesuaian penggunaan *quality adjustment* bagi output terpilih.
- iii. Sesi aplikasi pengukuran bagi 4 sektor utama iaitu Pendidikan, Keselamatan Awam, Kesihatan, dan Sosial.
- iv. Pembentangan prestasi produktiviti perkhidmatan awam.

2.5 Seramai 13 peserta akan menghadiri bengkel ini yang terdiri daripada pasukan pelaksanaan kajian PPPA 2019-2020. Senarai nama peserta di **Lampiran 1**.

3.0 OBJEKTIF

Tiga (3) objektif pelaksanaan bengkel latihan adalah seperti berikut:

- i. Meningkatkan pengetahuan untuk kemahiran pengukuran produktiviti.
- ii. Menjalankan pengukuran produktiviti dengan mengenal pasti output, input, dan kualiti *adjustment* bagi 4 sektor utama.
- iii. Menghasilkan pengukuran prestasi produktiviti akan dimasukkan dalam laporan interim kajian untuk dibentangkan kepada Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Pemandu yang dipengerusikan oleh JPA

4.0 TARIKH DAN JADUAL PROGRAM

Tentatif program akan berlangsung dari 18 hingga 20 Julai 2019 iaitu pada hari Khamis hingga Sabtu. Maklumat tentatif bengkel seperti dalam jadual pada **Lampiran 2**.

5.0 IMPAK/ FAEDAH

Melatih lebih ramai *Subject Matter Experts* (SME) bagi Pengukuran Produktiviti Perkhidmatan Awam dikalangan pegawai MPC.

6.0 ANGGARAN KOS

Keseluruhan anggaran yang terlibat adalah sebanyak **RM24,110.00** dan pecahan kos adalah seperti berikut:

- i. Anggaran peserta :13 orang (termasuk moderator)
- ii. Bayaran moderator :RM3,000.00
- iii. Pakej Seminar :RM12,610.00
- iv. Kos pengangkutan (tiket penerbangan dan pengangkutan darat):RM8,500.00

Pecahan kos perbelanjaan adalah seperti di **Lampiran 3**.

7.0 SYOR/PERAKUAN

Lembaga Pengurusan adalah dipohon untuk mempertimbangkan serta meluluskan bagi menjalankan Bengkel Latihan dan Aplikasi Kaedah Pengukuran Bagi 4 Sektor Utama Di bawah Projek Kerjasama Pengukuran Perkhidmatan Awam JPA – MPC untuk melatih lebih ramai *Subject Matter Experts* (SME) dikalangan pegawai MPC.

Disediakan

Disemak dan Disahkan

Nama **Siti Rohana Rubaidi**
Jawatan **Pen. Pengurus (PSH)**
Tarikh **10 Jun 2019**

Datin Zainon Bakar
Pengarah
13 Jun 2019

SENARAI NAMA

**SESI LATIHAN PEMANTAPAN SEKRETARIAT PENGUKURAN PRODUKTIVITI SEKTOR
AWAM (PPPA)
18 - 20 Julai 2019
Adya Hotel, Langkawi**

Bil.	Nama	Jawatan
1.	Dato' Razali Hussein	Ketua Pengarah
2.	Datin Zainon Bakar	Pengarah
3.	Dr. Izhar Che Mi	Moderator
4.	Zaffrulla Hussein	Pengurus Kanan
5.	Muhammad Khairul Hakimin	Pengurus
6.	Mazuin Dahlan	Pengurus
7.	Haslizayanti Othman	Pen. Pengurus
8.	Nurul Ain Alia Abdullah Zawawi	Pen. Pengurus
9.	Nor Akma Che Wan Naman	Pen. Pengurus
10.	Izzul Ikhwan Ishak	Pen. Pengurus
11.	Aiman Zakwan Zahari	Pen. Pengurus
12.	Siti Rohana Rubaidi	Pen. Pengurus (PSH)
13.	Norliyana Binti Mohd Shamsuddin	Pen. Pengurus (PSH)

LAMPIRAN 2

JADUAL PROGRAM

<u>18 JULAI 2019– Khamis (Hari Pertama)</u>		
03.30ptg	:	Pendaftaran Program & Taklimat Masuk Penginapan
08.30- 10.30mlm	:	Perasmian Pengenalan Program Aktiviti dan Program PPPA sedia ada

** 07.30 - 08.30mlm : Makan Malam

10.00mlm : Minum Malam

<u>19 JULAI 2019 – Jumaat (Hari Kedua)</u>		
8.30pg – 10.40pg	:	Taklimat pemahaman pengukuran produktiviti
11.00pg – 12.30tghr	:	Brainstorming pengukuran bagi setiap sektor (Kumpulan)
02.30 – 05.00ptg	:	Brainstorming pengukuran bagi setiap sektor – Sambungan
08.30 – 10.00mlm	:	Pembentangan Kumpulan

**07.30 - 08.30pg : Sarapan Pagi

10.00 - 10.30pg : Minum Pagi

12.30 - 02.30ptg : Makan Tengah hari

05.30 - 06.00ptg : Minum Petang

07.30 - 08.30mlm : Makan Malam

10.30mlm : Minum Malam

<u>20 JULAI 2019 – Sabtu (Hari Ketiga)</u>		
08.30pg	:	Zumba
9.30pg-12.00tgh		Pembentangan aktiviti berkumpulan
12.00-12.30tgh		Cadangan penambahbaikan

** 07.30 - 08.30pg : Sarapan Pagi

10.00 - 10.30pg : Minum Pagi

12.00tgh : Makan Tengah hari

04.00ptg : Minum Petang

LAMPIRAN 3**KOS PERBELANJAAN**

	Perkara	Kuantiti	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)
1.	Residential Seminar Pakej	13 pax	500.00 nett x 2 malam	12,610.00
2.	Bayaran honorarium moderator	1	1,500.00 x 2 hari	3,000.00
3.	Kos pengangkutan (anggaran)			
	- Flight (pergi & balik)	13	500.00	6,500.00
	- Van (airport ke hotel)	2 hari	1,000.00	1,000.00
Jumlah				23,110.00